

Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



* BIL 2/2002 * 18 Muharam - 19 Rabiul Akhir 1423/April-Jun 2002 *

* Edaran PERCUMA *

MAJLIS PERASMIAN TAPAK SEMAIAN DAN SURAU KPK

Hutan dan pelbagai sumber di dalamnya merupakan anugerah Allah yang begitu tinggi nilainya kepada umat manusia. Dalam konteks ketamadunan manusia dan perkembangan ekonomi sejagat, perhutanan merupakan salah satu sektor penting yang secara langsung telah menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi sebuah negara.

Pertambahan penduduk dengan pelbagai kehendak dan citarasa telah merancak dan memusatkan lagi usaha-usaha pembangunan. Ekoran dari itu, banyak kekayaan sumber alam yang merupakan anugerah semula jadi diterokai dan dieksplorasi yang adakah melampaui had kawalan. Hutan sebagai sumber asli tidak terkecuali; diterokai untuk pelbagai tujuan seperti pembalakan, pertanian dan kawasan penempatan. Penerokaan hutan yang tidak terkawal telah mencetus pelbagai masalah yang berkait rapat antara manusia dan kehidupan. Kualiti alam dan persekitaran kian terjejas malahan kualiti hutan sebagai keperluan dan perlindungan kepada manusia kian terhakis. Kehilangan nilai dek kepupusan sumber alam kerana penerokaan yang tidak pernah puas dan mengenal batas pasti akan lebih ketara melainkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan dijalankan segera.

Penubuhan tapak semaihan oleh Kompleks Perkayuan Kelantan, sebuah syarikat anak dalam kumpulan PKINK yang telah melibatkan diri secara langsung dalam sektor perhutanan amatlah wajar. Ianya merupakan satu permulaan sekaligus malambangkan komitmen tinggi pihak syarikat, komited secara langsung dan serius dalam konteks memelihara dan memulihara hutan sejajar dengan matlamat pengurusan hutan secara rampan. Tapak semaihan ini yang dijangka akan menjadi tapak semaihan terbesar disemenanjung Malaysia akan membekalkan pelbagai spesis tempatan akan berperanan dan menyumbang secara langsung dalam usaha-usaha penanaman semula ribuan ekar hutan yang telah dan akan melalui proses pembalakan. Pelaksanaan program ini juga adalah selaras dengan arahan dan saranan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

Tapak semaihan ini mempunyai sebuah rumah menabung yang merupakan tempat permulaan bagi stok tanaman yang dihasilkan. Semua stok tanaman akan menjalani proses pengerasan secara berperingkat bagi menghasilkan stok yang berkualiti. Beberapa rumah teduhan yang mempunyai kadar telusan cahaya yang berbeza disediakan bagi menempatkan stok tanaman tersebut. Satu kelainan yang terdapat ditapak semaihan ini ialah kawasan naungan semula jadi yang dibina di bawah lindungan pokok besar disebuah lereng bukit. Kawasan naungan semula jadi ini menyediakan persekitaran yang hampir sama dengan persekitaran



dibawah naungan pokok dalam hutan. Keadaan ini amat penting bagi menempatkan stok tanaman yang baru ditabung hasil dari penggunaan anak liar. Ini amat penting bagi mendapat peratusan kehidupan yang tinggi dalam penyediaan stok tanaman. Selain penggunaan anak liar sebagai sumber tanaman, penyemaian biji serta penggunaan keratan juga akan dilaksanakan di masa hadapan. Penyediaan stok tanaman melalui biji benih dan keratan amat penting kerana penjimat masa serta kualiti stok tanaman juga adalah lebih baik. Petak semaihan biji benih dan keratan akan dibina bagi membekalkan stok tanaman bagi tapak semaihan ini.

Tapak semaihan seluas 6 hektar ini akan berupaya menampung sejumlah satu juta unit stok tanaman pada satu masa. Stok tanaman yang disediakan ditapak semaihan ini memerlukan masa selama empat hingga enam bulan sebelum matang untuk dibawa ketapak penanaman. Oleh demikian, tapak semaihan ini akan berupaya membekalkan sebanyak 2.74 juta unit stok tanaman bagi satu tahun.

Bertujuan menampung keperluan serta mempermudahkan para pekerja dan penduduk sekitar mengerjakan ibadat, KPK turut membina sebuah surau baru. Surau ini mampu menampung Jemaah yang lebih ramai dan tentunya dapat mengerjakan ibadat dalam keadaan yang lebih selesa.

Perasmian tapak semaihan dan surau tersebut telah disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 2 Safar 1423 bersamaan 15 April 2002. Berucap dimajlis tersebut, beliau menaruh harapan yang tinggi agar usaha pengawalan dan pemuliharaan hutan ini demi kepentingan generasi akan datang akan berjaya dan membawa hasil juh. Insha-Allah.

ISSN 0127-3318

Dari Editor

Sejak kebelakangan ini istilah Pilih Bulu, Anak Emas, Ampu dan Kroni begitu lumrah digunakan di mana-mana organisasi tidak terkecuali juga dalam organisasi seperti PKINK. Setelah diteliti secara terpeinci budaya ini wujud dan berkembang kerana timbulnya perasaan tidak puashati, mencemburui rakan sekerja kerana mendapat sedikit perhatian dari pihak pengurusan. Mungkin juga, berlaku kerana sedikit terkilan di atas tindak-tanduk pihak pengurusan.

Menawarkan perkhidmatan terbaik kepada organisasi atau pihak pengurusan tidak boleh dianggap seperti apa yang diistilahkan seperti di atas tadi. Sebenarnya, ia menepati apa yang di maksudkan oleh hadis Rasulullah s.a.w, *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berbuat Ihsan (Terbaik) di kalangan kamu*. Marilah kita melihat sesuatu perkara yang berlaku di sudut yang positif sebagaimana kenyataan Norman Vincent Peale, *Manusia boleh mengubah hidup mereka dengan mengubah sikap mereka*.

Sayugia diingatkan bukanlah menjadi polisi dan hasrat pihak pengurusan untuk membeza-bezakan anggota. Kita harus bekerja dalam satu pasukan, menghulurkan salam persahabatan bagi menjayakan **Visi** dan **Misi** organisasi. PKINK merupakan tempat kita mencari rezeki, pastikan sumber rezeki yang kita dapat ini adalah halal. Pintu perbincangan bagi mengadu hal, masalah, ketidakpuashatian sentiasa dibuka oleh pihak pengurusan seluas-luasnya. Jadikanlah medan ini sebagai medan untuk menjalin rasa kasih sayang di antara kita di dalam organisasi bukannya jalan mencari kelemahan dan kesilapan orang lain.

Rebutlah peluang untuk melaksanakan tugas kita sebaik mungkin. Marilah kita merapatkan saf, buanglah sikap mementingkan diri sendiri. Kejayaan organisasi adalah kejayaan kita bersama.

*Mengambil sikap yang betul mampu menukar sikap negatif kepada positif
(Hans Selye)*

Sidang Editor

Penaung

Tuan Haji Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Tuan Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Tuan Haji Baharuddin Harun

Penolong Editor

Encik Mohd Adilan Mat Jusoh

Puan Ahlaami Haji Ab. Halim

Puan Nik Farzimar Nik Omar

Puan Teh Mariam Mohamed

Encik Wan Azizan Wan Yaakub

Yang Mulia Tengku Petra Tengku Wook

Encik Mohd Ramli Haji Hamzah

Jurufoto

Encik Mohd Ghazali Mahmood



Bentuk kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,

Tingkat 8 — 1, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

5169-F, Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7485667

Faks: 09-7485687

Ikhlas: Editor

Lawatan Korporat MAJLIS EKSEKUTIF PKINK

Siri Lawatan Korporat Majlis Eksekutif PKINK Ke Syarikat-syarikat Anak Kumpulan PKINK diteruskan lagi dalam Suku Tahun Ke 2 2002 ini dengan lawatan ke Perdana Resort dan Projek Ladang Rakyat Lojing di bawah DAMAI Sdn Bhd.

PERDANA RESORT SDN BHD

Lawatan Korporat ke Perdana Resort telah diadakan pada 27 Muharram 1423H bersamaan 10 April 2002. Akibat prestasi yang terjejas teruk oleh kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini sejak tahun 1997, struktur pengurusan Perdana Resort telah disusun semula di mana pada Awal tahun 2002, pengurusan Hotel Perdana Perdana Resort telah disatukan di bawah satu Corporate Office dan diterajui oleh Pengurus Eksekutif Kumpulan. Hasilnya, Perdana Resort mula menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan hasil usaha promosi serta strategi pengurangan kos yang agresif. Sehingga Mac 2002, 20 pelanggan lama telah berjaya ditarik kembali di mana perolehan yang dijanakan adalah berjumlah RM629,000 berbanding RM600,000 untuk tempoh yang sama tahun lepas. Penyertaan dalam Program Cuti-cut Malaysia juga telah berjaya mengurangkan kos pemasaran.

Dalam tahun 2002, Perdana Resort telah membina Trek Halangan bagi menarik pelanggan-pelanggan korporat yang mempunyai peruntukan yang besar untuk program motivasi dan bina semangat. Setakat ini Perdana Resort telah berjaya menarik pelanggan seperti BSN, FAMA dan TNB. MOU akan diadakan apabila kemudahan tersebut siap.

Kerja-kerja baikpulih dan selenggaraan juga akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan status Perdana Resort sebagai satu-satunya resort bertaraf 4 bintang di Kelantan tidak terjejas.

Bagi mengelakkan persaingan sesama syarikat sekumpulan, strategi joint marketing akan dibentuk yang akan dianggotai oleh semua syarikat anak atau unit bisnes PKINK yang mencebur aktiviti berdasarkan pelancongan.



Projek Ladang Rakyat LOJING, DAMAI SDN BHD

Selain daripada di Jeli dan Relai, Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI) turut mengendalikan projek ladang rakyat di Lojing. Lawatan Korporat ke Ladang Rakyat Lojing telah diadakan pada 7 Safar 1423H bersamaan 20 April 2002M. LR Lojing ini terletak 5 ½ km daripada sempadan Cameron Highland dan 100 km daripada Gua Musang. Ketinggiannya adalah 3,600 kaki dari paras laut dengan suhu sekitar 18° - 28°C.

Projek Ladang Rakyat Lojing terbahagi kepada dua fasa. Lojing I seluas 114 ekar telah dimulakan dalam tahun 1998 yang ditanam dengan Limau Madu. Keluasan setiap lot adalah seekar dan dijual pada harga RM28,000 - RM35,000 seekar bergantung kepada kedudukannya. Untuk Lojing I, pembeli boleh mendapat kemudahan pembiayaan daripada Bank Pertanian Malaysia Berhad dan daripada 96 lot yang ditawarkan, 92 lot telah pun terjual.

Hasil dari kejayaan Lojing I, Lojing II seluas 130 ekar telah dibuka dalam tahun 2000 dan ditanam dengan limau madu dan pisang kaki. Walaupun keluasan lot masih sama, Lojing II ditawarkan pada harga yang lebih tinggi iaitu RM38,000 - RM42,000 memandangkan kedudukannya yang berdekatan dengan tebuhraya baru yang sedang dibina. Pembeli Lojing II boleh mendapatkan kemudahan pembiayaan dari Bank Islam Malaysia Bhd dan setakat ini 59 daripada 99 lot telah berjaya dijual.

Adalah diharapkan PKINK, melalui DAMAI Sdn Bhd dapat mengambil peluang di atas pembinaan lebuhraya baru dan perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Green Valley di Lojing dengan membuat pengecaman ke atas kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan.

Lawatan Korporat MAJLIS EKSEKUTIF PKINK



SERI RAMPAIAN SDN BHD DAN KUB TEKSTIL SDN BHD

Majlis Eksekutif PKINK telah meneruskan siri lawatan korporat ke kilang-kilang yang beroperasi di dalam Kawasan Perindustrian yang dibangunkan oleh PKINK. Sebelum ini, sebanyak 2 buah kilang telahpun dilawati iaitu Marulee (M) Sdn Bhd dan Rohm Wako Electronic (M) Sdn Bhd.

Pada 6hb Mei 2002, Kilang Sri Rampaien Sdn Bhd yang terletak di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II, Jalan Padang Tembak merupakan destinasi ketiga yang dilawati oleh rombongan Majlis Eksekutif PKINK. Syarikat ini telah beroperasi sejak tahun 1984 dan sehingga kini telah menyewa sebanyak 13 lot kilang siabina milik PKINK. Ia mempunyai pekerja seramai 600 orang dan mengeluarkan produk jahitan Made-up Garments untuk 100% pasaran eksport ke Amerika Syarikat, Jepun, Kanada dan lain-lain. Taklimat serta penerangan lengkap

sepanjang lawatan telah diberikan oleh En Shaiful Bahri bin Che Salleh selaku Penolong Pengurus Pentadbiran Sri Rampaien Sdn Bhd.

Rombongan Majlis Eksekutif yang diketuai oleh Tuan Haji Hanifa Ahmad selaku Ketua Eksekutif PKINK telah membuat kunjungan seterusnya ke kilang KUB Tekstil Sdn Bhd pada 10hb Jun 2002. Kilang ini juga terletak di Kawasan perindustrian Pengkalan Chepa II. Taklimat telah disampaikan oleh Pengurus Besarnya iaitu En Abdullah bin Mahmood. Kilang KUB Tekstil Sdn Bhd yang terletak di atas tapak seluas 3,381 ekar yang dibeli daripada PKINK telah beroperasi sepenuhnya pada 22hb Julai 1996. Sehingga kini kilang tersebut mempunyai 373 orang pekerja. Ia mengeluarkan produk-produk berupa pakaian sekolah dan pakaian sukan yang menggunakan jenama canggih .

Pada 21hb Mei 2002, En Tokuhamizuno yang juga Presiden Marulee dalam lawatan kerja beliau ke Kelantan telah membuat kunjungan hormat ke pejabat Tuan Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK. Beliau turut disertai En Yasushi Itoh, Pengurus Pemasaran dan Pentadbiran Marulee (M) Sdn Bhd. Selain berbincang mengenai hal-hal kepentingan bersama, En. Takuyamizuno telah merakamkan setinggi penghargaan dan menyatakan amat berpuashati di atas kerjasama PKINK yang diberikan kepada pihak mereka selama ini.

Siri Lawatan Korporat Majlis Eksekutif dan Jawatankuasa Perkhidmatan Perjawatan, Kenaikan Pangkat dan Tatatertib Perbadanan Audit dan nazir PKINK Ke Syarikat-syarikat Anak Kumpulan PKINK diteruskan lagi dalam Suku Tahun Ke-2, 2002. Lawatan ke Perdana Resort dan Projek Ladang Rakyat Lojing di bawah DAMAI Sdn Bhd. telah dilakukan.



KURSUS PENIAGA & PENJAJA KECIL



Program peningkatan ilmu dan kemahiran sememangnya diperlukan oleh para usahawan khususnya usahawan-usahawan kecil memandangkan pendedahan mereka kepada peluang serta kemudahan bantuan adalah terhad. Menyedari perlunya latihan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan telah merangka satu program latihan khusus kepada

mereka dan di peringkat negeri Kelantan, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan program tersebut.



Modul 1 Latihan Penjaja Dan Peniaga Kecil Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 7 - 10 April 2002 bertempat di Ansar Inn, Kota Bharu. Kursus selama empat hari tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan, seramai 50 orang peserta yang dipilih melalui Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Kelantan menghadiri kursus ini. Para peserta telah memperbaiki komitmen yang tinggi kerana sanggup meluangkan masa selama empat hari dari pagi sehingga tengah malam bagi mengikuti modul kursus sepenuhnya walaupun masing-masing sibuk menguruskan perniagaan. Antara modul kursus yang telah dikendalikan adalah Pengisian Ciri-ciri Keusahawanan, Motivasi Kecapaihan

Diri serta Pembentukan dan Pengisian Nilai Usahawan Cemerlang.

Maklumbalas dari para peserta jelas menunjukkan mereka amat berpuashati dengan modul kursus yang akan membolehkan mereka mempraktikkannya di dalam perniagaan masing-masing. Mereka juga berharap agar kursus-kursus seperti ini dapat diadakan lagi di masa hadapan.

SEMINAR KEUSAHAWANAN PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) 2002 BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DIBAWAH YIK



Para pelajar sekolah-sekolah yang menyertai Program Usahawan Muda (PUM) pada tahun ini telah berpeluang menghadiri seminar PUM 2002 yang telah diadakan pada 4 - 6 April lalu di Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri. Setiap hari, lebih kurang 40 orang peserta PUM dari 2 buah sekolah YIK menghadiri seminar tersebut yang dianjurkan bagi melengkapkan kefahaman ahli-ahli PUM khususnya mengenai aspek-aspek teorikal yang relevan berkaitan disiplin keusahawanan di samping latihan perniagaan yang telah mereka praktikkan dalam PUM di sekolah masing-masing. Sepanjang 3 hari tersebut, lebih daripada 120 orang pelajar telah mendapat pendedahan yang lebih mendalam berkenaan PUM.

Pelbagai topik telah diatur dan disampaikan berdasarkan modul PUM Kementerian Pembangunan Usahawan yang dirumus khusus untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang keusahawanan seperti Tatacara Pelaksanaan PUM, Motivasi, Keusahawanan, Asas Perakaunan dan Kewangan Syarikat PUM dan Konsep Pemasaran dan Pengeluaran Syarikat PUM.



PKINK AMBIL BAHAGIAN DALAM MINGGU PENGGALAKKAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGERI KELANTAN 2002

Julung-julung kalinya PKINK telah turut serta dalam Minggu Penggalakkan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan 2002. Program tersebut merupakan program tahunan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran, kefahaman dan menghargai pencapaian serta sumbangan masyarakat kepada kemajuan Sains dan Teknologi.

Pada tahun ini, PKINK yang diwakili oleh Bahagian MIS telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Aplikasi pada 9 April 2002 dan Pertandingan Multimedia pada 19 Jun 2002 yang telah diadakan di Dewan Teratai, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pertandingan Laman Web yang telah diadili secara, on-line pada 13 Mei 2002.

Bagi keputusan keseluruhan, PKINK telah menjadi johan bagi Pertandingan Laman Web (<http://www.pkink.gov.my>), tempat keempat bagi Pertandingan Aplikasi dan saguhati untuk Pertandingan Multimedia.

Sukan Gemaputra merupakan sukan dwi-tahunan yang dianjurkan oleh GEMAPUTERA iaitu gabungan semua agensi-agensi amanah di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Kesemua 21 buah agensi gabungan telah menyertai kejohanan tersebut yang dihoskan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO). Kejohanan yang dikenali sebagai SukTera Ke IX Sabah 2002 telah diadakan di Kota Kinabalu bermula dari 29 Mei hingga 2 Jun 2002.

Sebagai tuan rumah, Sabah telah memilih tema Sukan Kemesraan yang menggambarkan semangat setiaawan, persefahaman dan kerjasama erat di kalangan peserta. Badak Surnalata dinamakan Gaman , yang membawa maksud kawan atau saudara dalam bahasa tempatan telah dipilih sebagai maskot pada kejohanan kali ini.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengambil bahagian dalam acara sukan Golf, Badminton, Boling, Bolasepak, Bolajaring, Kerom, memancing dan menyumpit. membabitkan seramai 78 orang peserta dan pegawai. Sebelum berlepas ke Kota Kinabalu untuk berentap dan bersaing dalam kejohanan tersebut, majlis penyerahan bendera kepada kontinjen telah diadakan. Penyerahan bendera oleh YB. Dato Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada YABrs. Ketua Eksekutif Kumpulan selaku ketua kontinjen yang diadakan pada 22 Mei 2002 bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10. Bangunan PKINK turut dihadiri oleh kesemua peserta dan pegawai penyelaras yang terbabit. Berucap pada majlis tersebut, YB. Dato Timbalan Menteri Besar selaku Timbalan Pengerusi PKINK telah merangsang kesemua peserta supaya bermain dan bertanding dengan penuh semangat kesukanan dan setiaawan yang tinggi. Sebagai duta kecil yang mewakili negeri, kesemua peserta telah disarankan supaya menjaga tingkah laku, tata susila dan menonjolkan imej yang baik di kalangan keseluruhan peserta yang bertanding pada kejohanan tersebut.

Pemergian kontinjen PKINK adalah secara berperingkat mengikut keperluan. Rombongan pertama seramai 20 orang ahli merangkumi pegawai-pegaui penyelaras dan peserta bagi acara Boling telah berlepas pada 27 Mei. Rombongan kedua terdiri daripada 9 orang pemain Golf telah berlepas pada 28 Mei manakala bakinya seramai 49 orang telah berlepas pada 29 Mei 2002.

Pencapaian kontinjen PKINK bukannya tidak memberangsangkan tetapi cabaran menjadi semakin sengit memandangkan keseluruhan peserta yang menyertai kejohanan pada kali ini telah membuat persediaan yang cukup rapi kerana ingin menujuari kejohanan tersebut. Hasilnya pada kejohanan tahun ini PKINK hanya mampu menduduki tempat keenam keseluruhan dari 21 buah agensi yang bertanding berbanding dengan tempat keempat keseluruhan pada kejohanan sebelumnya. Daripada lapan penyertaan PKINK, hanya empat pasukan sahaja yang mampu menyumbangkan mata untuk kontinjen ia itu pasukan boling yang menduduki tempat kedua, pasukan kerom ditempat ketiga, masing-masing pasukan badminton dan pasukan bolasepak ditempat keempat.

Pada majlis perasmian penutup, semua kontinjen telah dimaklumkan bahawa pesta sukan Gemaputra X tahun 2004 akan dihoskan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah dan akan dilangsungkan di Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Kesemua ahli kontinjen PKINK telah berlepas pulang pada 3 Jun 2002 dan selamat sampai di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada jam 11.30 malam.

SUKAN MEMBENTUK SEMANGAT SETIA KAWAN. INSYA ALLAH KITA JUMPA LAGI DI KEDAH DARUL AMAN.





MESYUARAT AGONG KOPERASI LANCAR

SEMINAR "KOPERASI DALAM PERSPEKTIF ISLAM"
OLEH : YB. DATO' DR. HASSAN MOHD. ALI
& MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 21
KOPERASI PKINK BERHAD

YABrs. TUAH HAJI HANIF AHMAD
SETIA EXECUTIVE PRIME

4 MARET AKHIR 1423H / 15 JUN 2002



Dihitung-hitung di congak-congak dividen 10% atas saham dan 20% bonus atas pelaburan memang lumayan. Ini semua bukannya ilusi tapi satu realiti yang dinantikan oleh anggota-anggota Koperasi PKINK, tanggal 15 Jun 2002 bukanlah hari keramat namun lanya hari yang menjanjikan kegembiraan biarpun buat sementara. Mesyuarat Agong Koperasi Kali ke-21 telah diadakan dan dihadiri oleh hampir keseluruhan anggotanya. Koperasi PKINK kini telah mampu melangkaui sejarah malapnya. Bukan sekadar keluar dari kemelut kerugian kerana aktiviti perniagaan yang turun naik tapi mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM599,082 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan Anggota-anggota Koperasi yang telah berusaha gigih hingga dapat mengembalikan koperasi ke landasannya.

Pada mesyuarat kali ini tidak banyak isu yang disentuh, selain daripada membuat dua perlantikan Ahli Lembaga baru bagi menggantikan Ahli Lembaga yang cukup tempoh yang lainnya dikenakan dan diberi mandat bagi menerajui Koperasi PKINK untuk sesi akan datang.

Memanfaatkan mesyuarat yang telah dihadiri oleh sebegitu ramai ahli, pihak pengurusan Koperasi turut mengadakan seminar. YB. Dato Dr. Hassan Mohd. Ali, pakar motivasi yang tidak asing lagi telah diundang untuk menyampaikan ceramah bertajuk Koperasi Mengikut Perspektif Islam .

Kepada semua anggota Koperasi, sayugia diingatkan, maju mundur atau jatuh bangunnya sebuah koperasi bukanlah terletak di tangan Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Anggota-anggota sahaja. Sejak dengan matlamat dan peranan koperasi iaitu menjaga kepentingan dan kebaikan ahli-ahlinya, kita semua adalah terlibat dan perlu memainkan peranan secara aktif dan positif bagi membolehkan koperasi melangkah lebih jauh dan meneroka bidang baru yang lebih kompetitif dan kita semua tidak perlu tersisih. Mandat dan kepercayaan kepada pihak atasaran sahaja memang tidak memadai. Keperluan sumber modal boleh kita tingkatkan dengan menambah pelaburan dan saham manakala aliran kewangan dapat diaktifkan lagi melalui urusniaga langsung di kalangan kita dan koperasi kita.

Peluang-peluang perniagaan yang lebih baik dan menguntungkan dapat direbut seandainya kita ahli-ahli yang sedia ada dapat bekerjasama mengintai wang dan peluang yang berpotensi dan dapat dimajukan oleh koperasi.

RENUNG DAN BERTINDAK SEGERA!!!! KOPERASI KITA UNTUK KITA



PERDANA RESORT MEMPERKENALKAN PAKEJ OBSTACLE

Perdana Resort Sdn. Bhd. memperkenalkan Paket Obstacle iaitu satu paket baru bertujuan mempromosikan program pelancongan dan rekreasi yang berorientasikan motivasi dan bina semangat yang merangkumi kecerdasan mental serta ketahanan fizikal. Program ini dirangka khusus untuk kemudahan dan manfaat kepada ahli-ahli Kelab Penabung Muda dan Kelab Kewangan Pelajar Sekolah dibawah program Sekolah Angkat Bank Simpanan Nasional (BSN). Ianya akan dikendalikan secara usahasama antara Perdana Resort dan BSN.



Bagi menjamin kelancaran program-program yang dirangka, Perdana Resort dan BSN telah menandatangani Perjanjian Persefahaman pada 29 Rabul Awal 1423 bersamaan 11 Jun 2002. Puan Hajah Alikah bt. Adom, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Awam & Komunikasi Korporat BSN Malaysia dengan disaksikan oleh En. Sharulnazar Jaafar, Pengurus BSN Kelantan telah



menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak BSN manakala Perdana Resort telah diwakili oleh En. Samari b. Che Ismail, Pengurus Eksekutif Kumpulan dengan disaksikan oleh En. Zainal Abidin Husin, Penolong

Pengurus Eksekutif Perdana Resort. Melalui perjanjian ini, Paket Obstacle yang akan dikendalikan selama tempoh 35 bulan dijangka mampu menyumbangkan perolehan pendapatan sebanyak RM420,000 kepada Perdana Resort.

Perdana Resort telah menyediakan 10 jenis obstacle iaitu Titi Tiang Bulat, Panjat Tali, Jambatan Goyang, Perangkap Komando, Tali Bergayut (Tarzan), Titi Tunggul, Panjat Tembok, Jambatan Monyet, Gayut Monyet dan Perangkap Labah-labah. Ianya dapat diperolehi menerusi tiga jenis paket iaitu:-

- Primary Package - RM35.00 bersih seorang
- Secondary Package - RM40.00 bersih seorang
- Professional Package - RM125.00 bersih seorang

Paket-paket ini yang merangkumi penginapan, perkhemahan dan makan minum tidak pula dihadkan kepada ahli-ahli Kelab BSN sahaja sebaliknya terbuka kepada sekolah-sekolah yang tidak menjadi ahli.

Perdana Resort sebagai pengendali program, menaruh harapan yang tinggi agar Paket Pelancongan Rekreasi yang diperkenalkan melalui Paket Obstacle ini akan diterima dan mendapat sokongan oleh agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta malahan kesemua pihak sejajar dengan peningkatan populariti program-program berbentuk summer camp di kalangan masyarakat Malaysia.

BENGKEL SEHARI KETERAMPILAN DIRI

Sekali imbas banyak orang membayangkan bahawa Setiausaha dan Pembantu Peribadi termasuk dalam golongan elite atau glamour. Realitinya ternyata agak meleset kerana di mana-mana jabatan atau organisasi sekali pun Setiausaha dan Pembantu Peribadi perlu memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang lebih berat berbanding dengan rakan-rakan. Selain daripada bertanggungjawab secara langsung kepada pengurus-pengurus masing-masing, mereka ini turut memainkan peranan sebagai front-liner iaitu orang yang bertanggungjawab dalam menonjolkan imej organisasi kepada pihak luar.

Menyedari tentang peranan dan sumbangan langsung oleh para Setiausaha dan Pembantu Peribadi, Bahagian Latihan telah menganjurkan Bengkel Ketrampilan Diri pada 9 Safar 1423 bersamaan 22 April 2002 juga bersempena dengan Minggu Setiausaha yang diraikan di seluruh dunia. Bengkel ini yang dikendalikan sepenuhnya oleh Hajah Aida bt Hj Yusoff Rawa, Konsultant dari Warathat Hj Yusoff Rawa Sdn Bhd telah dihadiri oleh kesemua Setiausaha dan Pembantu Peribadi di PKINK



dan syarikat-syarikat dalam kumpulan. Menyentuh tentang ketrampilan diri secara sepantas itu, bengkel ini menekankan tentang etika dan peranan yang perlu dimainkan oleh para Setiausaha dan Pembantu Peribadi. Peranan yang bukannya semata-mata untuk menonjol dan mempromosikan diri tetapi ianya adalah dalam konteks membina dan menonjolkan imej organisasi secara positif dan berkesan.

Di penghujung sesi, pihak Urusetia menerima maklumbalas yang di luar jangkaan. Kesemua peserta telah mengakui keberkesanannya bengkel ini walaupun ianya agak singkat dan masing-masing berharap agar akan ada lagi program susulan untuk mereka.

2P (POLITIK DAN PERNIAGAAN)

Selama 3 hari iaitu bermula 31 Mei - 2 Jun 2002, buat julung-julung kali Muktamar PAS kali ke-48 telah diadakan di Negeri Kelantan. Lazimnya muktamar ini diadakan di Pusat Tarbiyah PAS Taman Melewar, Kuala Lumpur. Muktamar kali ini diadakan di PUTIK (Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan) yang bertempat di Pengkalan Chepa.

PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya tidak ketinggalan untuk turut serta dalam program ini. Sayugia dimaklumkan bahawa selain persidangan pemerhati politik negara dan kehadiran para perwakilan asing dan perwakilan seluruh Malaysia, para peniaga tempatan mengambil peluang ini untuk menjual beraneka produk dan barang di luar perkarangan PUTIK.



Syarikat-syarikat dalam kumpulan PKINK yang mempunyai produk untuk dipasarkan turut meraih peluang ini. Hotel Perdana, Perdana Resort, Murni Marketing dan beberapa lagi telah



mengambil kesempatan memasarkan barang keluaran syarikat mereka. Malah pengurusan tertinggi kumpulan Perdana Hotel Resort yang diterajui oleh En. Samari Ismail telah membuka panggung menjual air, kebab dan kuih muih hasil buah tangan chef-chef hotel dan resort, kepada perwakilan dan pengunjung muktamar ini. Sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia yang jatuh pada 31 Mei, Muktamar PAS yang bersidang telah mengisyiharkan kawasan PUTIK dan Pusat Tarbiyah PAS Taman Melewar sebagai zon larangan merokok. Oleh itu amat bertepatan sekali apabila syarikat-syarikat ini mengambil peluang menjual aneka makanan dan minuman di zon yang bebas dari asap rokok.

PKINK dan beberapa syarikat dalam kumpulan yang tidak bermiaga, mengambil kesempatan ini mengadakan pameran bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang misi, visi dan yang terpenting, perkhidmatan yang ditawarkan.

Adalah diharapkan dengan kesempatan untuk bermiaga dan pameran perkhidmatan yang ditawarkan oleh seluruh kumpulan PKINK, akan mencurahkan lebih keuntungan di masa hadapan.

PEMBANGUNAN INSAN (KPI) KUMPULAN AKHIR DIMULAKAN

Usaha murni dan matlamat untuk melahirkan tenaga insan dan warga kerja PKINK yang berkualiti dan berkonsepkan Islam melalui tiga faktor utama iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan diteruskan lagi. Kurikulum Pembangunan Insan (KPI) telah selesai diikuti oleh Anggota Pengurusan dan Professional pada sesi pertama dan seramai 58 orang anggota kumpulan sokongan pada sesi kedua. Sebagai pelengkap kepada program yang telah dirangka secara rapi dan menyeluruh, KPI sesi ketiga dan terakhir telah diteruskan bermula dari 23 Jun dan dijangka berakhir pada 13 Oktober 2002. Program dwi mingguan yang diadakan pada hari Ahad pertama dan ketiga setiap bulan ini telah disertai oleh seramai 65 orang anggota sokongan. Perasmian program ini telah selamat disempurnakan oleh YABrs. Tuan Hj Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan dan dihadiri oleh Pengurus-Pengurus Bahagian.

YABrs Ketua Eksekutif semasa berucap merasmikan program tersebut sekali lagi menekankan bahawa penganjuran program ini dan lain-lain program seumpamanya adalah dengan satu matlamat iaitu membentuk sikap dan keperibadian anggota. Sikap dan peribadi yang luhur, yang sanggup membuat anjakan dan perubahan. Berubah meninggal dan mengenepikan perkara-perkara negatif dan mendatangkan keburukan. Berubah memperbaiki pencapaian bukan sahaja pada minda tetapi



sumbang dan pencapaian sebenar kepada diri dan organisasi sekaligus kemuncak pencapaian dalam kehidupan. Untuk memperolehi sesuatu kebaikan apakah lagi sesuatu yang patut dibanggakannya ia juga memerlukan sokongan dan komitmen pada diri semua lapisan anggota. Dalam konteks mengejar apa saja kejayaan, anggota dari segenap lapisan adalah diingatkan supaya lebih terbuka dan rasional. Kita perlu mengimbangi antara tuntutan dunia yang bersifat sementara dengan tuntutan akhirat yang lebih kekal. Sesungguhnya perlaksanaan dan gerak kerja yang dibuat mengikut landasan yang betul akan mendapat keredhaan dan lebih berkat di sisi Allah.

Kepada anggota semua diucapkan selamat mengikuti program dan selamat maju jaya.

LUNCHEON TALK UNTUK ANGGOTA PENGURUSAN



Pengetahuan dan kebolehan yang sediada pada diri seseorang adalah satu anugerah dan keistimewaan. Walaubagaimanapun kesemua itu tidak begitu bermakna melainkan ianya terus digarap, digilap dan dipraktikkan sejajar hasrat untuk memperolehi sesuatu hasil yang cemerlang.

Bertujuan untuk mencapai kecemerlangan tersebut malahan sebagai usaha untuk memberi pendedahan langsung kepada anggota-anggota pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah merangka program Luncheon Talk, yang akan diadakan secara dwi-bulanan. Melalui program ini, penceramah yang terdiri dari kalangan ilmuan dan pakar-pakar motivasi akan dijemput untuk memberikan ceramah serta mengupas isu-isu terkini dan semasa. Tentunya ceramah sebegini akan mempereratkan lagi hubungan sesama kita kerana dapat menanfaatkan waktu yang terbatas, berkongsi pendapat dan pandangan tentang apa yang dikupas bicara. Amat baik dan berkesan sebagai renungan dan santapan minda.

Buat pemulaannya, program Luncheon-Talk telah diadakan pada 4 Safar 1423 bersamaan 17 April 2002. YB Dato Dr Hassan b. Mohd Ali, Pakar Motivasi dari Sabha Group telah dijemput sebagai penceramah undangan pada kali ini. Mengupas tajuk 'Reenforcement of Commitment To Produce Quality Work Amongst Managers and Executives of PKINK', program pembuka tirai ini telah dihadiri oleh YABrs Ketua Eksekutif serta anggota-anggota pengurusan dan profesional dalam Kumpulan PKINK.

Diharap ianya akan berkesan dalam konteks mendarangkan lebih banyak kebaikan; kebaikan yang mampu membina imej PKINK sebagai sebuah kumpulan. Insya Allah, program setersnya akan menyusul kemudian.

Sajak

BUATMU AYAH

Bisik mak kesayangan kami
Dia seorang yang baik hati
Dan bagi kami dia adalah ketua
Yang bekerja sepanjang masa
Mengisi keperluan keluarganya

Allah yang maha kuasa
Menyirami kita penuh kasih dan cinta
Sedangkan ayah pula..
Sentiasa menenangkan hati kami
Bersama kami mengharungi kepayahan
Membantu kami menghadapi dugaan

Kasih sejati ayah
Tidak pernah berkurangan
Disulam penuh kelembutan

Kasih yang boleh dicari
Tapi tidak boleh dibeli
Lebih berharga dari emas
Tapi tidak boleh dijual

Kerana ia kasih sejati
Pemberian dari ayah
Kasih yang tiada penghujungnya
Mengalir dan terus mengalir

Terima kasih ayah
Kerana mendidik kami sedaya upaya
mungkin

Terima kasih ayah
Kerana tidak pernah berputus asa
menyayangi kami
Membetulkan kesilapan untuk kebaikan
kami

Tiada yang lebih berharga
Untuk menyerlahkan rasa
Penghargaan yang tiada terhingga

Untuk ayah yang kami kasih

SELAMAT HARI BAPA
- 16 Jun 2002 -



KIJANG KUARI DIANUGERAHKAN SIJIL PENGIFTIRAFAN MS ISO 9002

Kijang Kuari Sdn. Bhd., salah sebuah syarikat dalam Kumpulan PKINK telah memulakan operasinya dalam bidang pengkuarian lebih 25 tahun yang lalu. Memiliki keupayaan yang terbatas sama ada dari segi modal maupun tenaga kerja, Kijang Kuari bukan setakat melalui tempoh malap pada peringkat awal operasinya malahan pernah dianggap mustahil untuk dipulihkan. Kegagalan yang bukan penghalang sebaliknya merangsang telah menyuntik semangat dan mendorong keseluruhan warga kerja Kijang Kuari untuk melipatgandakan usaha yang tidak mengenal istijemah dan putus asa. Hasilnya Kijang Kuari yang pernah tersungkur bukan sekadar bangkit memperbaiki kedudukan malahan mampu meningkatkan keuntungan sekaligus muncul sebagai salah sebuah syarikat yang dapat dibanggakn dalam kumpulan.

Anugerah dan kesungguhan, pada 28 Muharam 1423 bersamaan 11 April 2002, Kijang Kuari yang telah melewati waktu nazakim telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan MS ISO 9002 oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. MS ISO 9002 merupakan sijil yang mendapat pengiktirafan antarabangsa bukan sahaja mengukuhkan kedudukan malahan kelangsungannya ialah menonjolkan imej dan kredibiliti Kijang Kuari sebagai sebuah syarikat yang berkualiti serta membanggakan. Pengiktirafan ini juga telah meningkatkan tahap moral warga kerjanya yakni lebih komited, lebih bertanggungjawab bahkan terus mendorong mereka semua untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan. Ini adalah satu petanda baik terhadap kesedaran syarikat-syarikat tempatan tentang betapa pentingnya kualiti dan produktiviti dalam konteks mempertingkatkan keupayaan dayasaing demi menghadapi cabaran globalisasi terutamanya cabaran menjelang pengimplemtasian AFTA pada tahun 2003 nanti.

Majlis pengiktirafan ini telah dihadiri oleh YB. Dato' Hj. Abdul Halim b. Abdul Rahman, Timbalan Menteri Besar Kelantan, YABrs. Tuan Hj. Hanifa b. Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan, YBhg. Dr. Mohd Yusoff Zakaria, Naib Presiden Kanan SIRIM, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan negeri serta lain-lain diri jemputan. Adalah diharapkan agar penganugerahan ini akan merangsang lain-lain syarikat dan anggota dalam kumpulan supaya lebih komited dengan organisasi sekaligus berusaha lebih tiskun semoga kita semua mampu menerima anugerah dan pengiktirafan yang sama dalam masa terdekat.

Insya-Allah. Berusahalah.

